

BERITA HARIAN

Khamis, 25 Jun 2009 (2 Rejab 1430)

sph SEBUAH PENERBITAN SINGAPORE PRESS HOLDINGS

MICA (P) 147/11/2008 50 sen

DI ION ORCHAD

Kafe Arab Saudi antara pelabur di pusat beli belah baru

Muka 6



MALAYSIA

AMBIL TINDAKAN GUAMAN

S. Atan mahu saman Kak Pah

Muka 7

Iran, Encik Mahmoud Ahmadinejad, kini cuba menyaring *Twitter*, *Facebook* dan lain-lalu lintas media bagi menghentikan laporan keluar dari negara itu.

Ribuan rakyat Iran menyuarakan rasa tidak puas hati mereka melalui *Twitter*, dengan media antarabangsa memanfaatkannya bagi memantau perkembangan terkini di Iran.

BBC, yang dilarang mempunyai koresponden di Iran, menerima lebih 4,000 surat elektronik *Twitter* dan ratusan panggilan telefon dari negara itu setiap hari.

Pengulas kanan *BBC* Parsi, Encik Sadeq Saba, berkata ia menerima rakaman video, e-mel, telepon, dan pesanan teks bukan hanya dari Teheran bahkan kota besar lain di seluruh Iran.

Akhbar *The Times* mengirim seorang koresponden ke Iran tetapi beliau harus meninggalkan negara itu kerana tempoh 10 hari visanya tamat dan beliau kini memantau *Twitter* serta *Facebook*.

"Bantahan itu tidak ditayang televisyen di Iran, tapi saluran Internet berterusan menayangnya," pemakai *Twitter* yang menggunakan nama 'kaplanmyrth' dalam satu pesan ringkas yang disalur ke saluran *Iranelection*.

Penganalisis media mengaku terkejut akan fenomena *Twitter*, kata pengusaha analisis media 20:20 WebTech, Encik Gaurav Mishra.

Dipercayai terdapat sekitar 8,600 pengguna *Twitter* di Iran.


"Walaupun sangat sedikit rakyat Iran menggunakan *Twitter*, pengaruhnya cukup meluas," ujar penganalisis kanan Universiti Harvard, Encik Ethan Zuckerman.

Daripada sekitar 70 juta penduduk Iran, lebih 23 juta mempunyai akses Internet.

Di laman *Facebook*, terdapat 50,000 pengikut Encik Mir Hossein Mousavi, pencabar utama Presiden Ahmadinejad yang kalah dalam pilihan raya itu.

Melalui laman itu mereka memberi maklumat terkini mengenai bantahan di Iran. Ada juga yang terus menyalur maklumat ke YouTube dan *Twitter* atau daripada saluran *Twitter* ke *Facebook*. - Agensi Internet

Warna-warna balet kanak-kanak PPIS



Laporan dan foto oleh
TUNI SHARRIF
tuni@sph.com.sg

APABILA anak-anak ini mahu berdansa balet, Pengarah Seni, ACTS of life Pte, Encik John Cunningham (*kiri*), memastikan

langkah mereka tersusun dengan baik.

Latihan balet ini bukan untuk suka-suka kerana kanak-kanak tadika Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) ini bakal beraksi di pentas.

Mereka akan mengadakan

dua persembahan *Colours of Ballet* (Warna-Warna Balet) di Panggung Victoria lusa, pada 10 pagi dan 11 pagi.

Persembahan itu adalah atas tajaan Yayasan Tan Chin Tuan.

Matlamat acara itu ialah memperkenalkan anak-anak ini kepa-

da pelbagai seni di Singapura.

Tiket berharga \$20 untuk dewasa dan \$10 bagi kanak-kanak kini dijual di Sistic.

Namun, tiket persembahan pada 10 pagi sudah habis dijual dan hanya tinggal tiket bagi persembahan pada 11 pagi.



8 887181 520006

BERITA HARIAN, 25 JUNE 2009

Front Page article translated by Sherlee from Berita Harian newspaper

Header: "Colours of Ballet for PPIS Children"

Report and Photo by Tunis Sharrif

"When these children want to dance ballet, Acts of Life's Mr John Cunningham (left) ensures that they are in the correct postures.

These steps (*in the picture*) that the PPIS children are practising will be replicated by the children during Saturday's performance, when they interact with the dancers.

There will be 2 performances of 'Colours of Ballet' at the Victoria Theatre on Saturday, at 10am and 11am.

The 27th June Colours of Ballet performance is supported by the Tan Chin Tuan Foundation.

The purpose of this performance is to introduce these children to one of the art-forms in Singapore.

The ticket goes for \$20 for adults and \$10 for children, sold at Sistic.

The tickets for the 10am performance are sold out and only tickets for the 11am performance are available."